

BAB 2

TINJAUN PENULISAN DAN KAJIAN YANG BERKAITAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini dibincangkan beberapa perkara berkaitan fungsi maklum balas guru bagi membetulkan kesilapan dalam karangan dan ciri-ciri maklum balas guru yang dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian pembelajaran.

2.2 Fungsi Maklum Balas Bertulis Bagi Membetulkan Kesilapan Dalam Karangan

Mengikut Cole dan Chan (1987), maklum balas ialah makluman yang disediakan kepada individu bagi menjelaskan kesesuaian respon-responnya. Di dalam bilik darjah, maklum balas bertulis ialah sebahagian daripada proses komunikasi normal yang bertujuan memaklumkan kepada pelajar tentang kuantiti dan kualiti pencapaian. Oleh itu, maklum balas memberi ruang kepada pelajar menyemak ketepatan pencapaian dan memantau perkembangan pembelajaran.

Cole dan Chan(1987) menerangkan bahawa maklum balas merangkumi salah satu daripada pelbagai cara yang digunakan untuk memberitahu pelajar sama ada respon terhadap tugas pembelajaran salah atau betul hingga kepada penerangan tambahan, latihan tambahan atau penggunaan kaedah atau bahan baru untuk membantu pelajar mengenal pasti dan membetulkan kesilapan.

Kulhavy (1977) telah menerangkan fungsi maklum balas dengan cara mengaitkan fungsi maklum balas dengan konsep yang digunakan dalam sibernatik, terutama dalam bidang sistem kawalan 'servo'. Dalam bidang ini, maklum balas mempunyai dua fungsi. Kedua-dua fungsi tersebut ialah,

... as a device for acquiring data about how accurately a system works and as a means for identifying and correcting error messages...(hal. 219)

Menurut Kulhavy (1977) lagi, jika konsep yang di atas diaplikasikan kepada pengajaran dan pembelajaran penulisan, maklum balas akan memainkan salah satu daripada dua fungsi di atas; iaitu

pertama, memaklumkan kepada pelajar ketepatan responnya, atau kedua, membetulkan kesilapan pelajar atau mengarahkan pelajar membetulkan sendiri kesilapannya.

Dalam kerangka pemprosesan maklumat, pelajar dan kandungan pengajaran dan penulisan dilihat sebagai komponen-komponen sistem kawalan yang bersifat kawalan kendiri. Matlamat sistem ini ialah memindahkan maklumat daripada teks kepada pelajar. Sistem ini juga mengandaikan bahawa pelajar berpengetahuan menggunakan pengetahuan sedia ada berkait dengan kandungan pengajaran dan pembelajaran untuk membetulkan respon-respon yang silap.

Berdasarkan pendekatan proses dalam penulisan, maklum balas merupakan elemen utama dan penting untuk penyemakan. Keh (1990) mendefinisikan maklum balas sebagai sesuatu,

... input from a reader to a writer
with the effect of providing
information to the writer for
revision. (hal. 245)

Keh (1990) menjelaskan bahawa berdasarkan

pendekatan proses penulisan, maklum balas guru membimbang penulis membuat penyemakan sama ada terhadap penyusunan yang tidak logik, maklumat yang mengelirukan, kesilapan tatabahasa atau pemilihan kata yang tidak sesuai. Maklum balas daripada pembaca (guru/rakan sebaya) sama ada secara lisan atau bertulis bertujuan membimbang pelajar membuat penyemakan dan maklum balas boleh dalam bentuk komen, soalan, dan cadangan.

Adalah jelas bahawa maklum balas sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, dan sama ada diberi pada isi/kandungan atau pada bahasa, penyampaian, atau sub-sub kemahiran menulis lain bertujuan untuk meningkatkan kebolehan menulis karangan.

Ahli-ahli teoris mempunyai pendapat yang berbeza tentang fungsi maklum balas. Sebahagian daripada mereka berpendapat maklum balas berfungsi sebagai ganjaran dan menghuraikan fungsi ini berdasarkan teori peneguhan. Sebahagian lagi berpendapat maklum balas berfungsi sebagai makluman pembetulan kesilapan atau maklum balas negatif.

(Bardwell, 1981).

Anderson dan Faust (1975) bersetuju bahawa pembelajaran sangat berkesan jika diberi maklum balas negatif. Sungguhpun begitu, mengikut Cole dan Chan (1987) makluman pembetulan atau maklum balas negatif/hukuman biasanya berkesan untuk jangka masa yang pendek, terutama jika tidak diberikan terlalu kerap. Jika guru memberikan maklum balas pembetulan, Cole dan Chan (1987) mencadangkan agar guru bukan sahaja menyediakan makluman tentang kesilapan-kesilapan, tetapi guru juga perlu menyediakan arahan tambahan tentang cara untuk membetulkan kesilapan.

Brophy (1981) berpendapat bahawa pelajar perlu diberi peluang yang banyak untuk menerima maklum balas positif/ganjaran berbanding maklum balas negatif. Pembelajaran dikatakan akan lebih berkesan melalui cara ini kerana pelajar tidak hilang motivasi untuk belajar.

Pendapat daripada individu-individu di atas

dapat disokong atau disangkal berdasarkan dapatan beberapa kajian. Dapatan daripada kajian Gee (1972) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menunjukkan sikap lebih baik terhadap penulisan jika diberi maklum balas positif. Walaupun begitu, dalam satu kajian lain untuk melihat kesan pujian terhadap penulisan dan sikap pelajar, Buckland dan Grimm (1986) mendapati bahawa pelajar-pelajar bahasa pertama memberi respon bahawa pujian tidak dapat membantu mereka untuk meningkatkan kemahiran menulis. Malahan, pujian tidak juga mendorong mereka untuk ingin bertambah mahir.

Berdasarkan dapatan daripada kajian Kulhavy (1977) dan Bardwell (1981) pula, kedua-dua pengkaji ini membuat kesimpulan bahawa maklum balas selepas kesilapan mempunyai kesan yang lebih efektif untuk membetulkan kesilapan berbanding maklum balas yang mengesahkan jawapan yang betul. Dapatan daripada kajian ini disokong oleh dapatan kajian Cardelle dan Corno (1981). Kajian ini mendapati juga bahawa pujian bertulis lebih berkesan jika diikuti dengan komen spesifik tentang kesilapan. Kedua-dua

pengkaji ini membuat kesimpulan bahawa,

Specific feedback on errors draws attention to material not adequately learned, allowing student to focus there and not be disturbed by too much reexamination of work done well. While it may be motivationally advantageous to spend time to re-examine some work done well time doing only that reduces time available for processing information that will overcome learning difficulties.
(hal. 301)

Dalam penulisan karangan, maklum balas guru juga berfungsi membantu pelajar-pelajar mengecam kesilapan-kesilapan yang dilakukan dalam karangan (Chandrasegaran, 1986) dan membuat penyemakan (Cohen dan Calcavanti, 1987).

Chandrasegaran (1986) mendapati guru Bahasa Inggeris biasa dengan keadaan pelajar-pelajar dapat membetulkan kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan dalam karangan apabila sahaja guru mengecamkan kesilapan itu kepada mereka. Mengikut Fitzgerald (1987) bukti-bukti yang terhad menunjukkan bahawa pelajar mungkin sedar ketidak selaras antara teks yang dihajati dengan teks yang terhasil, namun

kelemahan yang dihadapi ialah menetukan perubahan 'apa' dan 'di mana' dalam karangan yang harus dibuat.

Mengikut Chandrasegaran (1986), pelajar-pelajar menghadapi kesukaran untuk menjadi penulis mahir kerana pelajar-pelajar tidak dapat memisahkan diri antara peranan penulis dan peranan pembaca. Penulis mahir sentiasa berfikir tentang pembaca/audiens dan tujuan penulisan. Rasionalnya ialah, mengetahui kehendak audiens membantu penulis membuat keputusan 'apa' dan 'bagaimana' menyampaikan sesuatu. Walau bagaimanapun penulis yang tidak mahir tidak mempunyai / mempunyai kebolehan yang terhad. Kesannya, kesilapan bahasa dan ketidakjelasan teks tidak dapat dicam oleh mereka.

Kesukaran untuk memisahkan diri antara penulis dan pembaca menyebabkan guru perlu berperanan sebagai pembaca kepada penulis dan pemberi maklum balas tentang ketidakselarasan yang terkandung dalam teks yang ditulis. Sommers (1982) telah menjelaskan peranan guru sebagai audiens dan pemberi maklum

balas kepada penulis. Menurut beliau,

As writers, we need and want thoughtful commentary to show us when we have communicated our ideas and when, raising questions from a readers point of view that may not have occurred to us as writers. We want to know if our writing has communicated our intended meaning, and if not, what questions or discrepancies our reader sees that we, as writers, are blind to. (hal. 148)

Dapatan daripada kajian Lee (1993) telah dapat mengesahkan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar. Lee (1993) telah membuat kajian untuk melihat kegagalan penyemakan penulisan akademik 5 orang pelajar Cina dan mendapati bahawa 4 orang pelajar mempunyai kebolehan terhad untuk membuat diagnosis tentang kesilapan serta hanya menggunakan intuisi untuk mengecam kesilapan. Mereka hanya dapat mengecam kesilapan yang nyata melanggar hukum bahasa dan kadang kala penyemakan menyebabkan lebih banyak kesilapan tambahan.

Di sebalik dapatan daripada kajian di atas, kajian Hacker et.al. (1994) mendapati bahawa

walaupun pelajar-pelajar mempunyai pengetahuan tentang cara membetulkan kesilapan, tetapi mereka masih menghadapi kesukaran menggunakan pengetahuan itu untuk mengecam kesilapan. Namun, apabila lokasi kesilapan diberi dalam bentuk klu, kebolehan mengecam semua jenis kesilapan meningkat. Pengkaji-pengkaji ini membuat kesimpulan berikut,

Thus, general detection strategy consisting simply of directing attention to specific portions of a text may serve to reduce demands posed by juggling reading, comprehending and detecting to increase detection. (hal. 75)

Fitzgerald (1987) walau bagaimanapun menyatakan kebimbangan beliau bahawa penulis menghadapi kesukaran mengendali keseluruhan proses penyemakan. Seperti yang ditegaskan oleh Scardamelia dan Bereiter (1983), penulis mungkin menghadapi '... breakdown in the executive control over the components involved in the revision process'.

Pelajar dijangka dapat mengendali penyemakan pada peringkat linguistik yang lebih baik dengan sokongan biasaan daripada orang lain. Scardamelia

dan Bereiter (1983) menegaskan lagi bahawa pelajar-pelajar menunjukkan kebolehan membuat penyemakan dan boleh mengesan kelemahan dalam penulisan mereka jika amalan penyemakan yang sistematik diajarkan kepada mereka.

Dapatan daripada beberapa kajian di atas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai kemampuan untuk membetulkan kesilapan dalam penulisan mereka melalui bimbingan dan sokongan daripada guru. Dapat dikatakan maklum bahawa balas guru dapat memainkan dwiperanan utama: pertama, membantu pelajar-pelajar mengenal pasti kesilapan dalam teks, dan kedua menyediakan strategi yang sistematik bagi pelajar-pelajar membuat penyemakan untuk membetulkan kesilapan.

Berlandaskan huraian di atas, guru memikul tanggungjawab menyediakan maklum balas yang 'tepat dan relevan' (Narayanan, 1992). Mengikut Narayanan (1992), antara sebab kemerosotan pencapaian penulisan di kalangan remaja pada tahun-tahun kebelakangan ini ialah telalu sedikit latihan

menulis dan terlalu sedikit maklum balas pada karangan.

Kesimpulannya, dalam usaha membantu pelajar-pelajar membetulkan kesilapan dalam karangan, maklum balas guru berfungsi meningkatkan kebolehan mereka untuk mengenal pasti ketidakselarasan antara matlamat dan hasil, pengetahuan tentang 'apa' yang boleh diubah dalam teks, pengetahuan tentang cara membuat perubahan dan membolehkan mereka membuat perubahan-perubahan sebenar. Malahan, dapat dikatakan bahawa fungsi-fungsi ini adalah sebahagian daripada kesedaran metakognisi pelajar.

2.3 Ciri-Ciri Maklum Balas Guru

Maklum balas guru memainkan peranan yang penting bagi membantu pelajar-pelajar membetulkan kesilapan dalam karangan mereka. Beberapa orang ahli penyelidik, pakar pendidikan dan guru menggariskan ciri-ciri maklum balas guru yang berkesan.

Mengikut Cole dan Chan (1987), maklum balas guru harus mempunyai ciri-ciri yang membantu pembelajaran dan bukannya yang menyediakan jawapan yang mudah. Maklum balas paling efektif jika memandu atau membimbing pelajar-pelajar mencari jawapan yang sebenar dan bukannya menanti jawapan secara pasif.

Seperti yang dijelaskan oleh Corder (1982) dan Brumfit (1981) terlebih awal, maklum balas harus melibatkan pelajar-pelajar secara aktif membentuk sendiri kesilapan mereka. Maklum balas guru harus membantu mereka dalam aktiviti penyelesaian masalah supaya mereka sedar akan prosedur-prosedur yang dilalui untuk sampai kepada jawapan yang sebenar. Hal ini bermaksud maklum balas juga harus membantu pelajar-pelajar memperbaiki cara memperoleh strategi-strategi pembelajaran yang dapat menyediakan mereka ke arah menguasai pembelajaran berdikari. Untuk itu, maklum balas guru perlu berdasarkan analisis yang tepat tentang pencapaian pelajar kerana kelemahan pihak guru akan menyebabkan salah faham pada pihak pelajar dan kegagalan

pembelajaran.

Menurut Brophy dan Good (1986) dan Berman (1992), maklum balas yang spesifik lebih berkesan berbanding dengan maklum balas yang am. Perkara ini penting kerana pelajar-pelajar perlu diberitahu dengan tepat aspek mana respon mereka yang silap dan mana yang tepat.

Maklum balas tidak akan dapat membantu mereka jika kabur, mengelirukan, dan tidak tekal sehingga memerlukan mereka membuat terlalu banyak inferens (Cohens dan Robins, 1976). Dengan itu, pendekatan secara langsung yang melibatkan penyataan secara spesifik jenis dan sebab kesilapan ialah kaedah yang lebih baik. Berikutan dengan ini, penggunaan kod kesilapan yang mempunyai darjah ketekalan yang tinggi semakin digunakan (Gwin, 1991). Kod pembetulan kesilapan bukan sahaja menyediakan penandaan yang sistematik dan tekal, tetapi membolehkan guru dan pelajar menentukan pola-pola kesilapan dan menyediakan asas kepada pendekatan yang lebih sistematis dan strategik untuk

pembetulan kesilapan.

Dessner (1992) yang memainkan peranan guru sebagai penyelidik mendapati bahawa dalam pengajaran pembelajaran bahasa kedua, dua ciri perlu ada pada maklum balas bertulis guru. Pertama, maklum balas pada kedua-dua aspek penulisan, iaitu permukaan ayat dan kandungan. Kedua, maklum balas yang menyediakan peluang-peluang kepada pelajar-pelajar untuk membuat modifikasi pada hasil.karangan mereka.

Ciri-ciri maklum balas guru seperti yang dihuraikan di atas menyediakan peluang bagi guru penulisan merangka strategi memberi maklum balas bertulis yang lebih berkesan bagi membantu pelajar membetulkan kesilapan-kesilapan dalam karangan. Lanlade (1982) menegaskan bahawa kesilapan yang berlaku berulang kali dalam karangan pelajar boleh mengecewakan guru dan pelajar itu sendiri. Oleh itu, guru harus mengambil inisiatif membantu pelajar supaya kesilapan makin berkurang dari semasa ke semasa.

2.4 Kajian-Kajian Berkaitan Maklum Balas Bertulis Pada Karangan

Maklum balas bertulis guru pada penulisan pelajar yang merentas semua peringkat pendidikan telah dikaji secara empiris semenjak 30 tahun yang lalu. Walaupun kajian-kajian telah menghasilkan data-data yang amat berguna tetapi banyak yang masih belum konkret (Aly, 1992). Secara am, dapat disimpulkan bahawa komen betulis guru tidak dapat dikaitkan dengan peningkatan yang signifikan kebolehan menulis karangan.

Kajian tentang keberkesanan maklum balas bertulis guru melibatkan kepelbagaiannya jenis maklum balas bertulis, perbezaan fokus, (sama ada berfokus pada kandungan atau permukaan ayat atau kedua-dua sekali), dan maklum balas berdasarkan penulisan secara proses atau hasil. Bagi tujuan kajian ini, keberkesanan maklum balas dilihat dari segi kebolehan pelajar untuk membetulkan kesilapan permukaan ayat.

Kebanyakan kajian tentang keberkesanan maklum

balas guru sama ada dalam bahasa pertama atau bahasa kedua dijalankan di luar negara. Kajian tempatan, terutama yang melihat maklum balas pada karangan Bahasa Melayu dalam konteks KBSR dan KBSM sangat terhad.

Antara maklum balas guru yang menunjukkan kejayaan dalam membantu pelajar mengurangkan kesilapan permukaan ayat ialah kajian Lanlade (1982). Kajian terhadap pelajar Jerman tahun kedua di sebuah Universiti di Amerika Syarikat ini dijalankan untuk menangani isu penandaan karangan yang tidak sistematik dan tidak tekal oleh guru.

Dalam kajian ini, guru menggunakan sistem Kod Pembetulan Kesilapan (Error Correction Code) yang bertindak sebagai klu untuk menyedarkan pelajar-pelajar tentang jenis kesilapan bahasa yang mereka lakukan, kekerapan kesilapan, dan strategi membetulkan kesilapan. Kaedah ini dibandingkan dengan kaedah penandaan tradisional. Pelajar-pelajar menterjemah kod ini dan membetulkan kesilapan semasa membuat penulisan semula dan mereka digalakkan

merujuk buku tatabahasa. Kaedah ini mengaplikasikan teknik penyelesaian masalah secara terbimbing untuk penyemakan dan penulisan semula.

Pelajar-pelajar juga mempunyai Helaian Kesedaran Kesilapan (Error Awareness Sheet) untuk menyedarkan mereka tentang kesilapan yang sering mereka lakukan, tahap pencapaian pembetulan kesilapan, dan mengingatkan mereka tentang perkara-perkara ini sebelum mereka menulis karangan baru. Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar dapat mengurangkan kesilapan daripada ujian pra ke ujian pos. Mengikut Dekeyser (1993) kebolehan pelajar dalam kajian Lanlade (1982) ialah kerana pelajar memantau penulisan mereka.

Antara beberapa kajian yang menunjukkan kegagalan maklum balas guru, didapati berpunca daripada kepincangan-kepincangan tertentu. Pertama, ialah kajian oleh Semke (1984) terhadap pelajar Jerman penggal ke tiga di Universiti Minnesota. Kajian ini mendapati bahawa dengan hanya memberi komen pada kandungan dapat membantu pelajar

meningkatkan pencapaian berbanding dengan pembetulan kesilapan sahaja atau pembetulan kesilapan dan komen pada kandungan.

Deykesser (1992) mempersoalkan reka bentuk kajian Semke. Arahan dalam ujian penulisan mengarahkan kepada kelancaran dan bukan ketepatan Ujian kriteria untuk mengukur pengetahuan tatabahasa Jerman boleh dibuat tanpa pengetahuan tatabahasa Jerman kerana terjemahan ke dalam Bahasa Inggeris sebaik teks Jerman yang asal. Hal ini menunjukkan pemindahan pengetahuan tatabahasa Bahasa Inggeris mencukupi bagi pelajar berjaya dalam ujian. Kesannya, tidak mungkin bagi kumpulan pembetulan kesilapan menunjukkan pencapaian lebih baik dalam ketepatan berbanding pelajar lain.

Kedua, ialah kajian oleh Rob, Ross, dan Shortreed (1986) yang membuat kajian untuk menguji hipotesis bahawa maklum balas yang lebih jelas untuk tujuan membetulkan kesilapan mempunyai kesan yang signifikan bagi meningkatkan pencapaian kelancaran, ketepatan, dan penghasilan ayat-ayat yang kompleks.

Kajian ini mendapati bahawa antara kumpulan yang menerima darjah kejelasan maklum balas yang berbeza, tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kelancaran, ketepatan, dan penghasilan ayat yang kompleks. Dapatan kajian begini kerana kesemua pelajar telah diorientasikan dengan mendalam ke arah pembetulan kesilapan berdasarkan aktiviti dalam perjumpaan kelas. 40% daripada masa perjumpaan kelas digunakan untuk latihan mengedit kesilapan dalam karangan-karangan pelajar yang lalu dan 40% masa untuk latihan mencantum ayat. Oleh itu, kebolehan membetulkan kesilapan bukan ditentukan oleh maklum balas guru tetapi berdasarkan aktiviti kelas. Kajian ini sebagaimana juga kajian Lanlade (1982) menolak pembetulan terus oleh guru kerana cara ini tidak sepadan dengan masa dan tenaga yang digunakan oleh guru.

Langdon (1987) mengkaji kesan dua cara guru memberi komen bertulis, iaitu komen paling spesifik dan eksplisit berbanding komen paling kurang spesifik dan eksplisit untuk meningkatkan pencapaian

penulisan pelajar gred 7 dalam jangka masa lapan bulan.

Analisis ujian pos menunjukkan kumpulan yang menerima komen paling spesifik dan eksplisit menunjukkan pencapaian lebih signifikan berbanding kumpulan sebaliknya. Kajian ini juga menyokong agar komen ditulis dalam bentuk simbol-simbol pengeditan, spesifik dan eksplisit. Komen-komen yang berkesan merujuk kepada kesilapan-kesilapan yang jelas dalam mekanis dan penggunaan perkataan yang ditanda dalam teks, dan mengenal pasti kesilapan-kesilapan utama dan menyediakan maklumat yang mencukupi bagi membuat pembetulan lebih berkesan bagi meningkatkan pencapaian pelajar berbanding guru mengedit atau menamakan kesilapan.

Dapatan daripada kajian proses penulisan oleh pelajar (Starllard, 1974 dan Sommers, 1980) mencadangkan guru menumpukan maklum balas pada kandungan pada peringkat penulisan draf dan maklum balas pada permukaan ayat pada peringkat mengedit untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Sebagai

reaksi, Fathman dan Whalley (1990) membuat kajian untuk melihat keberkesanan maklum balas guru yang bertumpu pada permukaan ayat, keberkesanan maklum balas guru yang bertumpu pada kandungan dan, bila sepatutnya guru memberi maklum balas yang bertumpu pada permukaan ayat dan bila pula pada kandungan.

Dapatan kajian ini sangat menarik, yang mana terdapat sejumlah pelajar yang tidak menerima maklum balas bertambah dalam skor kandungan dan tatabahasa. Apabila diberi maklum balas pada tatabahasa semua pelajar memperbaiki pencapaian tatabahasa dan 44% memperbaiki kandungan. Apabila diberi maklum balas pada kadungan sahaja, 71% pelajar meningkat pencpaian kandungan dan 35% pelajar membuat lebih kesilapan tatabahasa. Apabila diberi maklum balas pada kedua-dua aspek, semua pelajar memperbaiki tatabahasa dan 77% pelajar memperbaiki kandungan. Dapatan ini bertentangan dengan saranan maklum balas dalam pendekatan proses penulisan kerana menunjukkan fokus pada tatabahasa tidak memberi kesan negatif pada kandungan penulisan dan guru juga tidak membebankan pelajar jika memberi maklum balas pada

kedua-dua aspek. Satu lagi dapatan yang perlu perhatian ialah pencapaian dapat meningkat walaupun tanpa maklum balas, menunjukkan penulisan semula memadai.

Sheppard (1992) di sebaliknya mendapat keputusan yang bertentangan dengan Fathman dan Whalley. Dalam kajian yang menggunakan pendekatan proses, Sheppard memandingkan antara maklum balas yang berfokus pada tatabahasa dan kompleks ayat bagi pelajar kumpulan A dengan maklum balas pada kandungan bagi pelajar kumpulan B. Maklum balas kumpulan A ialah maklum balas pembetulan berkod yang mana jenis dan lokasi kesilapan dikenal pasti oleh guru. Pelajar menyemak dan menulis semula selepas konferens dengan guru. Maklum balas pada kumpulan B ialah dalam bentuk permintaan untuk menjelaskan maksud dan komen pada maksud kandungan.

Dapatan kajian menyangkal maklum balas yang berfokus pada tatabahasa untuk meningkatkan pencapaian tatabahasa. Malahan dapatan daripada kajian ini menegaskan bahawa mungkin penggunaan

bahasa akan lebih tepat jika maklum balas diberi dalam bentuk berunding makna berbanding dengan menumpukan perhatian pelajar terhadap kesilapan permukaan ayat dan teknik pembetulan. Pelajar kumpulan A juga didapati mengurangkan penggunaan ayat-ayat yang kompleks dan pengkaji berpendapat pelajar kumpulan ini takut mengambil risiko, oleh itu, mengelak ayat-ayat yang mengandung kata hubung.

Dalam usaha mengkaji faktor-faktor yang membantu pelajar lemah menulis lebih baik, Bushey (1991) telah menjalankan kajian rintis yang melibatkan 40 orang pelajar tahun pertama Universiti Harvard dan 19 orang guru karangan.

Dua halangan komunikasi dikenal pasti menghindarkan peningkatan penulisan; pertama, salah faham komen bertulis dan komen lisan guru, dan kedua, tidak mempunyai strategi yang mencukupi untuk menyemak karangan. Salah faham komen guru dapat dilihat dari segi pelajar tidak faham istilah-istilah spesifik yang guru gunakan. Kesannya, ekspektasi guru terhadap karangan berbeza dengan :

ekspektasi pelajar. Dapatan juga menunjukkan bahawa walaupun guru dan pelajar mempunyai persefahaman komen bertulis guru, ramai pelajar tidak berupaya memperbaiki karangan mereka kerana kekurangan strategi untuk membuat penyemakan yang sepatutnya. Daripada dialog guru dengan pelajar, keputusan yang dibuat ialah guru patut membina strategi penyemakan yang konkret dan spesifik yang boleh digunakan secara efektif oleh pelajar.

Masalah seperti dalam kajian Bushey (1991) berkait rapat dengan pernyataan yang pernah dibuat oleh Sperling dan Freedman (1986). Menurut mereka, masalah wujud kerana guru dan pelajar tidak berkongsi kehendak, maklumat, kemahiran, dan nilai-nilai yang sama walaupun dalam konteks pendekatan proses penulisan bahasa pertama. Malahan, dalam kajian mereka sendiri untuk menganalisis perubahan-perubahan yang dibuat oleh penulis 'good girl' berdasarkan respon guru, mereka mendapati penulis 'good girl' tidak ada idea prinsip di sebalik pembetulan yang dibuat dan tidak boleh membuat pembetulan pada kesilapan sama yang terkandung pada

bahagian lain dalam teks.

Dapatan-dapatan yang tidak konklusif tentang maklum balas bertulis mendorong Aly (1992) menjalankan penyelidikan untuk mengkaji cara guru berbangsa Arab yang mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing memberi respon pada karangan, kesan respon guru kepada penyemakan pelajar, dan kesilapan yang mendapat respon paling banyak oleh pelajar.

Analisis dibuat terhadap draf-draf pertama dan akhir yang dikumpul daripada pelajar-pelajar yang diajar oleh 4 orang guru. Analisis juga dibuat ke atas soal selidik dan temubual guru dengan pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun terdapat aliran baru dalam pengajaran pembelajaran menulis, respon guru lebih bertumpu pada kesilapan 'lokal' dan mengetepikan aspek global teks. Keprihatinan Aly (1992) adalah wajar terutama dalam konteks penulisan secara proses, kerana maklum balas kesilapan 'lokal' wajar pada peringkat mengedit dalam pendekatan proses (Rob, Ross dan Shortreed, 1986). Dapatan juga menunjukkan respons guru memperlihatkan kuasa

mutlak atau autoritatif guru yang tahu 'apa' yang silap dan tahu cara membetulkan kesilapan. Fungsi tradisional ini telah mengehadkan kebolehan pelajar kerana pelajar sepatunya mampu belajar daripada kesilapan yang mereka lakukan.

Ezell (1993) juga menggunakan 49 klu kesilapan bagi melihat kebolehan pelajar mengedit draf kedua dan keberkesanan tiap klu. Guru telah menggunakan komputer yang boleh membaca dan meletakkan klu sebagai simbol berlaku kesilapan. Kajian ini menunjukkan pelajar dapat mengedit dengan cekap apabila klu kesilapan yang tepat terkandung dalam teks. Oleh kerana penggunaan komputer mempunyai kelemahan meletakkan klu yang silap, telah menyebabkan pelajar menjadi keliru. Pengkaji menyimpulkan bahawa pelajar mempunyai kemampuan membuat penyemakan dan mengurangkan kesilapan dengan syarat klu mesti jelas, spesifik, dan, tidak mengelirukan.

Dalam satu lagi kajian yang menggunakan klu kesilapan pada morfem tatabahasa, Taka-Yoshi Makino

(1993) menyimpulkan bahawa klu yang lebih eksplisit harus diberikan kepada pelajar yang kurang mahir dan klu yang kurang eksplisit diberi kepada pelajar yang lebih mahir.

Kajian terkini oleh Dunsford (1994) terhadap 64 orang pelajar permulaan kursus penulisan media masa bagi jangka masa satu semester bertujuan menentukan sama ada lokasi, jenis atau tiada komen mempunyai kesan jumlah dan jenis penyemakan. Empat kumpulan pelajar menerima komen yang berbeza: komen tepi dan akhir penulisan, komen tepi sahaja, komen di akhir sahaja dan, komen lisan.

Penyemakan yang melibatkan menambah, membuang, mengganti, dan menyusun semula dibuat pada salah satu daripada 4 tugas utama. Dapatan kajian ini mengesahkan dptan kajian Bushey (1991) yang mana pelajar dapat menyemak dengan lebih berjaya apabila diberi komen spesifik yang mengandung cadangan dan strategi untuk membuat penyemakan. Pelajar juga lebih banyak menyemak berdasarkan komen lisan guru yang mungkin disebabkan guru menggunakan contoh-

contoh semasa memberi komen lisan..

Sesungguhnya, dapatan daripada beberapa kajian yang dijalankan belum dapat memberi jawapan yang mudah bagi guru menyediakan maklum balas yang dapat membantu pelajar-pelajar membetulkan kesilapan permukaan ayat dalam karangan. Walaupun banyak kajian yang telah dijalankan, kebanyakannya dapatan daripada kajian ini belum konklusif. Di samping itu, terdapat pula dapatan yang bertentangan. Bagi pengajaran pembelajaran karangan Bahasa Melayu dalam konteks KBSR dan KBSM, usaha-usaha perlu diteruskan demi melahirkan pelajar-pelajar yang mahir dalam penulisan.